



02 APR, 2021

Peniaga rindu kemeriahana bazar Ramadan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Peniaga rindu kemeriahana bazar Ramadan

Oleh MOHD. HAFIZ ABD.
MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

ARAU: Meskipun sudah lama menjalankan perniagaan, suasana dan kemeriahana di bazar Ramadan adalah sesuatu yang cukup istimewa bagi para peniaga.

Malah, rata-rata mereka su dah tidak sabar kembali ber niaga di bazar Ramadan selain mengakui cukup rindu suasana tersebut selepas tidak dapat ber buat demikian pada tahun lalu berikutan pandemik Covid-19.

Seorang peniaga martabak, **Zaini Ensof**, 41, berkata, dia ter ruja apabila bazar Ramadan kembali dibuka tahun ini dan sama sekali tidak melepaskan peluang untuk turut bersama mencari rezeki dalam tempoh sepanjang bulan puasa itu.

+ Katanya, dia sudah memo hon tapak untuk bazar Ramadan di daerah ini dengan keputusan mengenainya bakal diketahui dalam tempoh terdekat.

“Sejak 10 tahun lalu, saya ber niaga di bazar Ramadan. Namun



ZAINI Ensop yang membuka kedai makan di RPA Arau, Perlis teruja untuk kembali berniaga di bazar Ramadan.

tahun lalu apabila bazar Ram adan tidak dibuka, saya berasa suasana cukup berbeza. Sedikit sebanyak kemeriahana sempena bulan puasa itu tidak dapat dirasakan.

“Bazar Ramadan setahun

sekali ini juga memberi peluang kepada para peniaga mencari rezeki tambahan selain menikmati kemeriahannya yang cukup berbeza berbanding menjalankan perniagaan harian,” katanya di sini.

Sebanyak lapan lokasi bazar Ramadan disediakan di negeri ini iaitu lima tapak bazar dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Kangar (MPK) iaitu di Persiaran Wawasan Kangar; tapak pasar baharu Arau; hadapan RPA Pauh; tapak pasar malam lama Kuala Perlis dan hadapan Taman Singgahsana, Padang Besar.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pula menganjurkan tiga lokasi bazar iaitu Pasar Tani Ramadan di tapak Pasar Tani Mega, Taman Sena Indah; hadapan Pejabat FAMA negeri dan tapak Pasar Tani kekal Simpang Empat.

Seorang lagi peniaga, **Mohd. Nazmi Aznan**, 34, yang menjual air buah-buahan pula berkata, bazar Ramadan adalah antara tempat yang menjadi tarikan masyarakat pada bulan puasa.

“Tahun lalu, apabila bazar Ramadan tidak beroperasi dapat dilihat suasannya cukup muram tidak semeriah seperti tahun-tahun sebelum itu. Al hamdulillah, tahun ini, bazar Ramadan sudah kembali,” katanya.



02 APR, 2021

Peniaga rindu kemeriahana bazar Ramadan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

ARAU: Meskipun sudah lama menjalankan perniagaan, suasana dan kemeriahana di bazar Ramadan adalah sesuatu yang cukup istimewa bagi para peniaga.